

**SOALAN LAZIM PELAJAR PRASISWAZAH**  
**FREQUENTLY ASKED QUESTION OF UNDERGRADUATE STUDENT**

- 1. Saya mempunyai beberapa persoalan berkenaan akademik, adakah Universiti menyediakan talian Hotline untuk membantu? *I have some questions on academic matter, does the University provides Hotline number for assistance?***

Kami menyediakan talian hotline 8.30 pagi – 5.00 petang. *We provide hotline numbers 8.30 am to 5.00 pm -*

Kemasukan antarabangsa *International admission:* 0397691463

Kemasukan tempatan *Local admission:* 0397696059

Urusan pendaftaran kursus *Course registration matter:* 0397696057

- 2. Saya pelajar antarabangsa baharu dan telah membayar yuran pengajian tetapi Sistem Maklumat Pelajar (SMP)/Portal Pelajar tidak membenarkan saya mendaftar kursus? *I am a new international student and has paid the tuition fee, however, the Student Information System (SMP)/Student Portal barred me from registering for courses?***

Saudara perlu kemaskinikan maklumat bayaran yuran dalam Putraenroll. *You have to update the information of tuition fee you have paid in Putraenroll.*

Proses bayaran yuran mengambil masa sekurang-kurangnya 3 hari untuk disahkan. Selepas bayaran disahkan oleh Universiti, saudara akan boleh mendaftar pengajian. *Transfer of payment for tuition fee from overseas may take at least 3 days for endorsement. Once the payment is endorsed by the University, you will be allowed to register courses.*

- 3. Saya seorang pelajar baharu dan mempunyai masalah membayar yuran pengajian semester pertama, apa yang perlu saya lakukan? *I am a new student and I have some problems to pay my first semester's tuition fee, what should I do?***

Pelajar tempatan yang mempunyai masalah kewangan boleh memohon penangguhan bayaran dengan menghantar emel kepada Seksyen Kewangan Bursar [bursar.student\\_ug@upm.edu.my](mailto:bursar.student_ug@upm.edu.my). Pelajar antarabangsa dikehendaki menjelaskan yuran pengajian sebelum mendaftar. *A local student who have financial difficulties may request for postponement of payment by sending an email to Finance Section of Bursar Office [bursar.student\\_ug@upm.edu.my](mailto:bursar.student_ug@upm.edu.my). An international student, however, shall pay the tuition fee in full before being allowed to register.*

- 4. Saya pelajar tempatan sambungan dari golongan B40 dan menghadapi masalah kewangan, bolehkah saya memohon penangguhan yuran pengajian. *I am a local continuing student from***

***B40 group and facing financial difficulties, can I request for postponement of tuition fee payment?***

Sila emel Seksyen Kewangan Bursar [bursar.student\\_ug@upm.edu.my](mailto:bursar.student_ug@upm.edu.my) untuk memohon penangguhan bayaran yuran dan saudara boleh juga memohon bantuan kewangan daripada Wazan. *Please send email to Finance Section of Bursar Office [bursar.student\\_ug@upm.edu.my](mailto:bursar.student_ug@upm.edu.my) to request for postponement of fee payment and you may also apply for financial assistance from Wazan.*

**5. *Perlukah saya sebagai pelajar baharu menghubungi Penasihat Akademik saya untuk tujuan pendaftaran kursus? As a new student do I have to contact my Academic Adviser for course registration purpose?***

Ya, saudara perlu berbincang dengan Penasihat Akademik untuk menentukan kursus yang perlu didaftar. *Yes, you should discuss with your Academic Adviser to determine courses you have to register.*

**6. *Saya terlupa nama Penasihat Akademik, bagaimana saya boleh mendapatkan namanya? I have forgotten my Academic Adviser's name, how do I get his/her name.***

Saudara boleh menghubungi Penolong Pendaftar Fakulti saudara atau mendapatkan nama Penasihat Akademik saudara dalam SMP. *You may contact the Assistant Registrar of your faculty or get the name of your Academic Adviser via SMP.*

**7. *Kuota kursus yang saya ingin daftar telah penuh, apa perlu saya lakukan? The quota of course I would like to register is full, what should I do?***

Sila hubungi Pejabat Timbalan Dekan Akademik Fakulti saudara untuk memohon kuota kursus ditambah atau kumpulan baharu dibuka oleh Fakulti yang menawarkan kursus atau sila rujuk jadual kursus yang dipaparkan dalam SMP dan pilih kumpulan lain yang sesuai dengan keperluan saudara. *Please communicate with the Office of Deputy Dean (Academic) of your faculty and request for additional quota of course or you may choose other lecture group from the list displayed in SMP that suit your needs.*

**8. *Saya kehilangan/terlupa user ID dan password Sistem Maklumat Pelajar, apa perlu saya buat? I have lost/forgotten my User ID and password for SMP, what should I do?***

Sila tekan butang '**lupa kata laluan?**' ID pada Portal Pelajar@SMP. *Please click '**forgot password?**' button on the Student Portal/SMP.*

**9. *Sistem Maklumat Pelajar (SMP) memaparkan maklumat bahawa jadual waktu kursus yang saya ingin daftar bertindih dengan kursus***

**lain, apa perlu saya lakukan? *The SMP shows that the timetable of the course I would like to register clashes with other course, what should I do?***

Sila rujuk jadual kursus yang dipaparkan dalam SMP dan pilih kumpulan lain yang sesuai dengan saudara. *You may choose other lecture group from the list displayed in SMP that suit your needs.*

**10. Saya adalah pelajar baharu, bolehkah saya bertukar program? *I am a new student, can I apply for programme transfer?***

Pelajar baharu tidak dibenarkan bertukar program sehingga menyelesaikan dua semester pertama pengajian. *A new student is not allowed to apply for programme transfer until he/she completes his/her two semester of studies.*

**11. Saya pelajar baharu, bolehkah saya menangguhkan pengajian? *I am a new student, can I defer my studies?***

Saudara boleh menangguhkan pengajian dengan kelulusan Senat. Sila hubungi [akd@upm.edu.my](mailto:akd@upm.edu.my). *You may defer your studies subject to Senate's approval. Please contact [akd@upm.edu.my](mailto:akd@upm.edu.my).*

**12. Saya merupakan pelajar baharu, bagaimana saya boleh mendapatkan pemindahan kredit? *I am a new student, can I request for credit transfer?***

Saudara boleh memohon pemindahan kredit dan memuatnaikkan dokumen sokongan yang diperlukan melalui SMP dalam tempoh 2 minggu pertama semester. Sila rujuk Penasihat Akademik sebelum saudara membuat permohonan. *You may apply for credit transfer and upload the required supporting document via SMP within the first two weeks of the semester. Please consult your Academic Adviser before you submit your application.*

**14. Saya pelajar sambungan dan ditahan daripada mendaftar kursus, boleh saya tahu apakah sebabnya? *I am a continuing student and is barred from registering my course, may I know the reason?***

Saudara mungkin masih mempunyai hutang yuran pengajian semester lepas atau saudara belum mendapat kelulusan Penasihat Akademik untuk mendaftar melalui SMP. *Perhaps you still have last semester's outstanding tuition fee to settle or you have yet to get your Academic Adviser's consent to register.*

**15. Saya ingin menarik diri daripada pengajian, adakah yuran pengajian akan dikembalikan kepada saya? *I would like to withdraw from my studies, will I be refunded my tuition fee?***

Yuran pengajian hanya akan dikembalikan kepada pelajar yang menarik diri dalam tempoh dua minggu pertama semester. *A tuition fee will only be refunded to student who withdraw within the first two semesters.*

- 16. Saya mendapat keputusan Gagal dan Diberhentikan, bolehkah saya sebagai pelajar tempatan memohon semula untuk menyambung pengajian di UPM. *I have received a 'Termination' status, as a local student can I apply to continue my studies at UPM.***

Pelajar tempatan yang mendapat keputusan Gagal dan Diberhentikan boleh memohon program pengajian lain di UPM dan permohonan perlu dibuat melalui Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi pada musim kemasukan yang akan datang. Pelajar antarabangsa pula boleh memohon terus kepada Bahagian Kemasukan UPM. *A local student who receives a 'Termination' status may apply for other programme of studies at UPM and the application shall be submitted to the Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi, Ministry of Higher Education in the next round of admission process. An international student, however, may apply directly to Division of Admission, UPM.*

Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
UPM Serdang  
22 Oktober 2020